

Sabtu, 11 April 2020 | 4:54pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi. - Foto fail NSTP

COVID-19: KPDNHEP serah sumbangan kepada anggota PDRM, ATM

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) hari ini menyerahkan sumbangan kepada pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selaku barisan hadapan memerangi COVID-19.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata sumbangan itu meliputi topeng muka, cecair pensanitasi dan makanan kepada bagi pasukan keselamatan.

Beliau berkata, sumbangan itu antara lain sebagai penghargaan kepada PDRM dan ATM selaku petugas barisan hadapan dalam memutuskan rantaian COVID-19 di negara ini.

"Saya dan pegawai bertolak (ke Kuala Kubu Bharu) dari Putrajaya pagi tadi dan melihat banyak sekatan jalan raya dilakukan untuk menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Mereka banyak berkorban, malah terpaksa meninggalkan keluarga ketika orang lain berehat di rumah untuk berada di barisan hadapan dalam membantu negara menghadapi isu COVID-19" katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Semalam, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan PKP dilanjutkan selama dua minggu lagi dari 15 hingga 28 April ini, selepas perintah berkenaan dikuatkuasakan mulai 18 Mac lalu.

Perdana Menteri dilapor berkata, keputusan melanjutkan PKP bagi memberi ruang kepada petugas kesihatan memerangi penularan wabak COVID-19, selain mengelak penularan semula virus dalam kalangan masyarakat.

Tindakan itu selaras dengan pandangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menyarankan supaya perintah kawalan pergerakan tidak ditamatkan terlalu awal.

Dalam pada itu, Alexander berkata, semua lapisan masyarakat menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan, selain meminta mereka mengabaikan segelintir yang biadap.

"Sumbangan ini adalah penghargaan daripada saya sebagai individu dan rakyat yang menyedari pengorbanan mereka serta semua petugas barisan hadapan, selain berharap ia akan menceriakan dan menaikkan semangat mereka.

"Kita tidak boleh puaskan hati semua orang. Jika ada yang tidak menghargai anda, saya percaya ia hanya sebilangan kecil sahaja, sedangkan kami kebanyakan rakyat Malaysia tahu segala usaha yang anda curahkan untuk keselamatan rakyat dan negara," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675969/covid-19-kpdnhep-serah-sumbangan-kepada-anggota-pdrm-atm>